



Berita Harian - Kaunter 1 Serve Gabung Tugas Tiga Jabatan

🕒 Isnin, Dis 04 2017



Kaunter 1 Serve gabung tugas tiga jabatan

● Perkhidmatan setempat di UTC Negeri Sembilan suatu pembaharuan

Oleh Ifwan Tun Tuah dan
Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

■ Seremban

Kerajaan memperkenalkan kaunter 1 Serve menggabungkan perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Negeri Sembilan, yang dirasmikan semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kaunter berkenaan yang kali pertama disediakan membolehkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan ketiga-tiga agensi berkenaan di satu tempat sahaja.

"Ini adalah pembaharuan atau kelainan yang diperkenalkan di UTC Negeri Sembilan.

"Sehingga Oktober lalu, sebanyak 54 juta orang direkodkan mendapatkan perkhidmatan di UTC di seluruh negara, membuktikan kemudahan ini memberi im-

pak besar kepada masyarakat," katanya berucap merasmikan UTC Negeri Sembilan di Plaza Angsana, Ampangan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Najib turut mengumumkan keputusan untuk projek pembinaan jejantas di UTC berkenaan serta dewan orang ramai di kawasan berhampiran.

Memudahkan urusan rakyat

Perdana Menteri Najib berkata, tiada negara lain di dunia mampu menyediakan kemudahan seperti UTC dalam usaha untuk mempermudahkan urusan rakyat.

"Saya dah tanya rakan (pemimpin negara lain) lain... tiada. Sebab UTC ini sediakan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung yang dibuka setiap hari sehingga jam 10 malam kecuali cuti umum.

Dua faktor ini yang menjadi tarikan. Saya diberitahu UTC adalah program yang paling disenangi oleh rakyat dan paling berkesan (memudahkan urusan)," katanya.

Beliau berkata, pembinaan UTC



Najib bersama Mohamad bergambar di hadapan bangunan baharu UTC Negeri Sembilan di Bangunan Angsana Ampangan Seremban, semalam.



Ini adalah pembaharuan atau kelainan yang diperkenalkan di UTC Negeri Sembilan. Sehingga Oktober lalu, sebanyak 54 juta orang direkodkan mendapatkan perkhidmatan di UTC di seluruh negara, membuktikan kemudahan ini memberi impak besar kepada masyarakat"

Najib Razak,
Perdana Menteri

mengambil kira tiga kriteria utama iaitu pembinaan dengan kos minimum, memberi impak meluas dan disiapkan dalam tempoh singkat.

Katanya, projek UTC Negeri Sembilan di bangunan milik UDA Holdings Berhad (UDA) membalikkan kos kira-kira RM34 juta kerana tidak memerlukan pembinaan bangunan baharu, membolehkan kerajaan berjimat lebih RM100 juta.

Kejayaan terserlah

Sementara itu, Najib berkata, banyak kejayaan kerajaan dalam mentadbir negara terserlah, malah membuatkan pembangkang kehilangan modal untuk mengertik atau membuat tuduhan yang boleh mempengaruhi rakyat.

"Dalam Dewan Rakyat baru ini pun pembangkang tak dapat nak serang, sebab kita pastikan semua dapat (manfaat). Semua orang dapat, tok siak dapat, pesara dapat, golongan pertengahan pun dapat pengurangan cukai, BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) pun akan dapat.

"Ini semua bukti kita kerajaan

yang prihatin. Jangan dengar (tuduhan) puak-puak itu, mereka dah tiada modal. Lagi pun dia dah 'kucar langar', perlembagaan sendiri pun tak boleh nak ikut, macam mana nak mentadbir negara.

"Tiu berlaku sebab mereka tiada akar umbi, sedangkan kita ada akar umbi, kita ada penyokong," kata Najib yang mendapat tepukan gemuruh dan sorakan kira-kira 10,000 hadirin pada majlis berke-

naan.

Sementara itu, Najib ketika menghadiri majlis pengumuman bersama kepimpinan akar umbi Barisan Nasional (BN) di sebuah hotel di sini, petang semalam, melancarkan jentera Pilihan Raya BN Negeri Sembilan bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Pertemuan tertutup itu turut disertai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan; Pengerusi MCA, Datuk Seri Dr Lim Chin Fui dan Pengerusi MIC negeri, Datuk Marickam Letchuman, selain lebih 1,000 ahli serta pemimpin akar umbi BN.

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih <

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**